

24 JAN 2002

Mahathir-Amerika

TALIBAN : UMNO MINTA KEMENTERIAN LUAR HANTAR BANTAHAN KEPADA AMERIKA

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini meminta Kementerian Luar menghantar memo bantahan kepada kerajaan Amerika Syarikat berhubung layanan tidak berperikemanusiaan negara itu terhadap askar Taliban dan Al Qaeda yang ditawan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mesyuarat MT hari ini telah mengambil perhatian layanan Washington terhadap 158 tawanan Taliban di Kem X-Ray yang turut mendapat kecaman kumpulan hak asasi dari Barat.

"Majlis Tertinggi menyuarakan rasa protes terhadap tindakan Amerika Syarikat terhadap askar Taliban yang ditawan dan dijel di Cuba kerana Majlis Tertinggi menganggap ia tidak berperikemanusiaan. Justeru Majlis Tertinggi minta Kementerian Luar hantar memo kepada kerajaan Amerika Syarikat," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat itu di ibu pejabat parti di sini.

Media melaporkan bahawa kerajaan Amerika telah membawa 158 tawanan itu dari sebuah pangkalan Amerika di Kandahar, Afghanistan ke Pangkalan Tentera Laut Teluk Guantanamo di Cuba.

Mereka dibawa dengan tangan dirantai dan bergari, mata ditutup dan muka bertopeng untuk menghalang mereka daripada menggigit.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT hari ini turut membincangkan mengenai bahaya gerakan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang bertujuan menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

"Kita mempunyai bukti cukup penglibatan mereka dengan keganasan dan rancangan keganasan mereka dan hubungan mereka dengan puak pengganas antarabangsa," katanya.

Beliau berkata KMM tidak yakin kepada sistem demokrasi.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah mengesan ramai anggota kumpulan itu dan tindakan menahan mereka yang terbabit telah diambil selain siasatan terhadap kegiatan anggota KMM yang lain masih dijalankan.

Katanya, kerajaan mempunyai undang-undang bagi menghalang sesuatu kejadian jenayah berlaku dan membolehkan penahanan tanpa dibawa ke mahkamah.

Tindakan mahkamah akan diambil sekiranya terdapat bukti mereka telah melakukan kegiatan jenayah, katanya.

-- BERNAMA

RZS AHH MAI